

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keuntungan Petronas untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 serta pembayaran dan tanggungan yang telah dibayar kepada Kerajaan dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keuntungan PETRONAS selepas cukai bagi tahun 2013 adalah berjumlah 54.1 billion ringgit manakala bagi 2014 pula adalah 37.0 billion ringgit. Penurunan keuntungan bagi tahun 2014 berbanding 2013 adalah disebabkan oleh "*higher assets impairment losses*" seiring dengan trend kejatuhan harga minyak.

Jumlah pembayaran kepada kerajaan bagi tahun 2013 adalah berjumlah 73.4 billion ringgit. Jumlah ini merangkumi cukai sebanyak 33.3 billion ringgit, dividen sebanyak 27.0 billion ringgit, hasil petroleum kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri sebanyak 12.0 billion ringgit dan duti eksport sebanyak 1.1 billion ringgit.

Manakala bagi tahun 2014 pula, jumlah pembayaran kepada kerajaan bagi tahun 2014 adalah berjumlah 75.3 billion ringgit. Jumlah ini merangkumi cukai sebanyak 32.5 billion ringgit, dividen sebanyak 29.0 billion ringgit, hasil petroleum kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri sebanyak 12.6 billion ringgit dan duti eksport sebanyak 1.2 billion ringgit.

Peningkatan sumbangan kepada kerajaan di antara tahun 2013 dan 2014 adalah disebabkan oleh bayaran dividen yang lebih tinggi iaitu peningkatan sebanyak 2 bilion ringgit.

Bagi tahun 2015, maklumat berkaitan keuntungan selepas cukai dan pulangan kepada Kerajaan tidak dapat dimaklumkan memandangkan tahun 2015 masih belum berakhir. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa keuntungan PETRONAS dan seterusnya sumbangan kepada kerajaan sangat berkait rapat dengan trend industri dan situasi harga minyak dunia semasa yang mana ianya amat dinamik dan bergantung kepada pelbagai faktor luaran dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.